

# **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENYEDIAAN *PERIMETER PLANTING***

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENYEDIAAN *PERIMETER PLANTING*

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENYEDIAAN PERIMETER PLANTING** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

**DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000

Faks: 603-2698 0460

E-mel: [dbkl@dbkl.gov.my](mailto:dbkl@dbkl.gov.my)

Laman Web: [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.

No. 46, Jalan 2/108

Taman Salak Jaya

Salak Selatan

57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

# KANDUNGAN

	HALAMAN
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 SKOP	1
4.0 KEPENTINGAN <i>PERIMETER PLANTING</i>	1-2
5.0 GARIS PANDUAN TERPERINCI	3-4
6.0 TARIKH KUAT KUASA	4

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

## PENYEDIAAN *PERIMETER PLANTING*

### 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan keperluan perancangan tentang penyediaan *perimeter planting* dalam kelulusan permohonan kebenaran perancangan.

### 2.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan *perimeter planting* disediakan di setiap tapak cadangan pembangunan.
- ii. Memastikan *perimeter planting* yang disediakan dapat berfungsi bagi tujuan pengindahan dan zon pemisah dengan elemen kehijauan.
- iii. Memastikan penyediaan piawaian *perimeter planting* yang inovatif.


### 3.0 SKOP

- i. Garis panduan ini diguna pakai semasa menilai permohonan kebenaran perancangan.
- ii. Garis panduan ini terpakai bagi semua skim pembangunan.
- iii. *Perimeter planting* adalah jajaran hijau dalam tapak pembangunan yang diselenggarakan oleh pemilik atau badan pengurusan.
- iv. Garis panduan ini tidak terpakai bagi pembangunan bertanah (*landed*) persendirian.


### 4.0 KEPENTINGAN *PERIMETER PLANTING*

- i. Berfungsi sebagai lingkaran hijau yang berterusan selaras dengan Dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.
- ii. Menyumbang kepada peningkatan kualiti persekitaran dari segi kehijauan dan keindahan.
- iii. Mengurangkan suhu persekitaran.

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENYEDIAAN PERIMETER PLANTING



Perimeter planting sebahagian dari Anjakan Bangunan




Perimeter planting atas dek



## 5.0 GARIS PANDUAN TERPERINCI

- i. Ruang *perimeter planting* hendaklah disediakan di sepanjang sempadan lot cadangan pembangunan.
- ii. Kelebaran minimum ruang *perimeter planting* ialah 2 meter.
- iii. Ruang *perimeter planting* hendaklah digunakan bagi tujuan penanaman pokok yang mampu bertindak sebagai zon pemisah.
- iv. Ruang *perimeter planting* hendaklah bebas daripada laluan utiliti.
- v. *Perimeter planting* yang disediakan atas struktur lantai di aras tanah hendaklah mempunyai kedalaman tanah sekurang-kurangnya 1.5 meter.
- vi. Ruang *perimeter planting* tidak perlu disediakan di bahagian yang menjadi laluan keluar masuk. Walau bagaimanapun, ruang *perimeter planting* di sempadan hadapan boleh disediakan bagi tapak yang mempunyai sempadan hadapan yang cukup lebar.
- vii. Ruang *perimeter planting* hendaklah tidak termasuk dalam rizab laluan kenderaan bermotor dan laluan bomba.



Penyediaan *perimeter planting* di peringkat kelulusan perancangan

- viii. Ruang *perimeter planting* merupakan sebahagian daripada ruang anjakan.
- ix. *Perimeter planting* perlu disediakan untuk semua pembangunan baharu yang berkeluasan melebihi 10,000 kaki persegi. *Perimeter planting* juga perlu disediakan bagi pembangunan baharu berbentuk sementara contohnya, pusat pameran, restoran dan bangunan pejabat.
- x. *Perimeter planting* dikecualikan bagi pembangunan semata-mata untuk utiliti seperti pencawang TNB, kolam takungan air, kolam oksidasi, pusat rawatan kumbahan, ibu sawat telekomunikasi dan sebagainya.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.



## SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)